

29/08/1997

Suburkan sikap hormat menghormati

C J Gomes

DI MERATA tempat, bendera Malaysia dipasang dan berkibar dengan megahnya. Dan sesiapa yang menyaksikan bendera ini, sudah tentu di dalam hati sanubarinya bangkit perasaan patriotisme dan kebanggaan kepada negara.

Tetapi rakyat Malaysia harus sedar pencapaian kemajuan dan kemakmuran yang dinikmati sekarang bukanlah kerana nasib yang bertuah tetapi natijah perancangan yang pragmatik baik secara mikro dan makro kerajaan.

Di dalam bahasa sanskrit klasik, Tanah Melayu disebut sebagai 'svarnabumi' ataupun 'bumi emas'. Memang diketahui umum, Malaysia adalah negara yang diberkati dengan 'emas' tetapi untuk mendapatkan emas ia perlu digali.

Justeru, lahirlah pemimpin agung, bermula daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra hingga Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Setiap pemimpin dengan stail tersendiri dan berfungsi dalam konteks realiti sosial dan politik mereka yang tersendiri.

Mereka menyedarkan kita untuk mengenali emas itu dan mengajar kita menggalinya supaya mencapai kemandirian diri. Mereka sentiasa menyedarkan kita, di dalam zaman mana kita berada. Mereka mengajar kita sesuai dengan zaman kita dan bukan seperti kita diajar pada zaman kita.

Di samping itu, mereka membekalkan ikan kepada golongan yang kurang bernasib baik, pada masa yang sama, mengajar mereka cara menangkap ikan supaya dapat bekalan ikan sepanjang hayat.

Kerajaan sedar 'Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, selagi kaum itu tidak mengubah nasibnya sendiri'.

Kita harus bangga kerana taraf kemiskinan beransur kurang setiap tahun, sedangkan di seluruh dunia, 1,000 juta manusia melarat dalam kelaparan. Kerajaan sedar kemiskinan mendekati manusia kepada kemungkaran, dengan itu diilhamkan pelbagai agensi dan program untuk mengatasi fenomena ini.

Dasar politik bertunjangkan sifat tasamuh, akomodatif dan bermusyawarah memantapkan keadaan politik yang menjadi prasyarat untuk menarik pelabur asing. Kita harus sedar bukannya mudah untuk mentadbir negara yang berbilang bangsa dan agama. Manusia adalah makhluk ciptaan Tuhan yang paling kompleks. Manusia juga diibaratkan unta yang menyebabkan kita tidak akan merasa selesa walaupun mengenderainya seratus kali.

Walaupun agama Islam menjadi agama rasmi negara, tetapi pembinaan tempat ibadat mereka yang bukan Islam tetap dibenarkan. Upacara serta perarakan keagamaan sentiasa diberi pertimbangan adil. Kerajaan yang liberal sentiasa peka terhadap perasaan penganut agama lain, kerana di dalam agama tidak ada paksaan. Konsep 'Lita-a-rafu' diamalkan dengan penuh sensitiviti.

Kita harus bangga walaupun ada pelbagai gejala sosial di negara ini tetapi tahap kemanusiaan tetap utuh. Ini dibuktikan dengan sumbangan ikhlas kepada tabung mengatasi masalah kebuluran kanak-kanak di Korea Utara baru-baru ini.

Kita harus bangga negara kita adalah yang paling selamat di dunia. Kita boleh merayau di mana saja di Malaysia tanpa takut. Tidak seperti di sesetengah negara rakyatnya sentiasa perlu berwaspada supaya tidak dilontar dengan bom tangan.

Rakyat pelbagai bangsa boleh duduk, makan dan minum semeja tanpa merasa janggal atau terancam. Pelbagai bahasa boleh didengari di meja yang sama. Fenomena ini sentiasa mengkagumkan pelancong daripada luar negara.

Justeru, setiap hari pada waktu subuh, azan akan berkumandang di udara

di seluruh negara. Ini adalah tanda negara kita adalah aman, makmur dan sedang menuju ke arah kecemerlangan.

Justeru itu, biarlah rakyat Malaysia, menjelang ketibaan Hari Kebangsaan, bermuhasabah diri supaya dapat berbakti kepada negara dengan cara kita sendiri dengan harapan kemajuan dan kemakmuran yang dicapai pada hari ini akan berkesinambungan.

Sebagai sebuah negara yang sedang menuju ke taraf dunia, sudah tentu dari semasa ke semasa akan timbul pelbagai isu. Bagaimanapun biarlah segala masalah ditangani dengan penuh tasamuh dan bijaksana. Jika kita tergoda untuk bertindak secara ekstrim, ingatlah jangan musnahkan `barakah' yang kita sedang nikmati sekarang. Justeru, marilah kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pemimpin di atas pengorbanan dan keprihatinan mereka.

Akhir sekali, terima kasih kerana memusnahkan mitos yang didakyahkan oleh penjajah bahawa orang Asia tidak mempunyai kekuatan fikrah untuk maju dan makmur.